

# UTHM terima penarafan 5 bintang

**Johor Bahru:** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima pengiktirafan lima bintang daripada organisasi audit antarabangsa berpusat di London, Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating, baru-baru ini.

Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, pengiktirafan berkenaan diperoleh bagi kriteria pengajaran, fasiliti dan inovasi.

Beliau berkata, pengiktirafan berkenaan membuktikan keupayaan UTHM untuk bergerak setanding universiti ternama lain di dalam negara pun di luar negara, walaupun hanya berusia lanjut tahun.

Menurutnya, ia membuktikan kesungguhan warga UTHM untuk menjadikannya sebagai universiti bertaraf dunia pada masa depan.

"Pengiktirafan ini bukan mudah dimiliki kerana ia hasil kerjasama warga UTHM yang bersepadu dan pelbagai penambahbaikan dilakukan sejak universiti ini beroperasi.

"Kejayaan ini milik warga UTHM dan diharap pada masa depan universiti ini mampu mencapai pengiktirafan cemerlang merangkumi pelbagai aspek," katanya ketika ditemui di pejabat The New



**DR Mohd Noh menunjukkan sijil Penarafan Lima Bintang QS yang diterimanya daripada QS.**

Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, semalam.

Dr Mohd Noh berkata, UTHM kini memiliki 16,000 pelajar mengikuti program pengajian di peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Menurutnya, ia termasuk 550 pelajar luar negara dari Libya, Somalia, Yaman, Nigeria, Indonesia, Thailand dan Filipina.

"UTHM menjadi pilihan kerana menawarkan prasarana kampus yang kondusif dengan kewujudan infrast-

ruktur moden seperti perpustakaan, bangunan fakulti baru, makmal, dewan kuliah, pusat sukan dan kemudahan asrama.

"Kewujudan lapan fakulti membantu UTHM cemerlang dalam bidang pengajaran.

"Malah, keputusan lima bintang bagi kriteria inovasi dicapai menerusi hasil ciptaan berkualiti serta penghasilan paten serta produk bersandarkan penemuan di bidang kejuruteraan dihasilkan kumpulan penyelidik di UTHM," katanya.